


Seorang pekerja menyusun keropok keping untuk dikeringkan di Kampung Pachakan.



Ikan, keropok sumber ekonomi

Kampung Pachakan jadi tumpuan orang ramai beli ikan segar, keropok lekor dan keropok keping

NORHASRAM MOHAMAD

PASIR PUTIH

DUN Semerak itu melahirkan hampir 50 nelayan tradisional dan hampir 80 pengusaha keropok.

Ita menjadi kegiatan ekonomi utama dengan kilang-kilang keropok terus memberikan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.

ADUN Semerak, Wan Hassan Wan Ibrahim berkata, Kampung Pachakan kini menjadi tumpuan orang ramai untuk membeli keropok lekor dan keropok keping.

Menurutnya, zon keropok yang wujud di kampung itu menarik kedatangan pelancong.

"Pengusaha bersaing secara sihat, masing-masing menawarkan produk berkualiti kepada pembeli yang singgah di zon tersebut."

"Kampung ini berada di tengah-tengah antara jeti pendaratan ikan Kuala Besut dan Tok Bali yang mana mereka tidak menghadapi kesukaran mendapatkan bahan mentah," katanya.

info

Nama Kampung Pachakan bersempena peristiwa pemacakan sempadan Kelantan-Terengganu selepas sebahagian kawasan Kelantan menjadi milik Terengganu yang mana penentuan sempadannya hasil ukuran dari puncak Bukit Yong ke Pulau Susu Dara

Beliau berkata, pangkalan nelayan tradisional di kampung itu turut menjadi tumpuan orang ramai untuk membeli ikan segar atau ikan masin.

"Harapan saya adalah untuk melihat kawasan ini terus menjadi tumpuan sehingga mampu menaik taraf ekonomi penduduk," katanya.

Kampung Pachakan yang merupakan pintu masuk ke negeri Kelantan melalui Kuala Besut cukup sinonim dengan ikan dan keropok.

Suatu ketika dahulu kampung itu agak terpencil dan ia mula menjadi tumpuan awal 70-an apabila tanaman tembakau diperkenalkan kerajaan.

Bagaimanapun selepas tanaman tembakau diberhentikan pada 2010, pertanian tidak lagi menjadi aktiviti utama penduduk.

Sebaliknya, kampung dalam



Ikan segar mudah diperoleh kerana kedudukan Kampung Pachakan berada di tengah-tengah antara jeti pendaratan ikan Kuala Besut dan Tok Bali.